

Headline **SK Sri Kelana juara kitar semula**
Date **26 Jan 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **A1**
Article Size **325 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,423**
PRValue **19,270**



SK Sri Kelana juara kitar semula



GURU dari SK Sri Kelana menerima hadiah utama daripada Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, Terryz Tan (paling kanan), di Kuala Lumpur baru-baru ini.

SEKOLAH Kebangsaan (SK) Sri Kelana muncul juara dalam pertandingan untuk mengumpul, membilas dan mengitar semula kotak minuman yang disertai 44,000 murid sekolah rendah dari 25 buah sekolah sekitar Lembah Klang.

Sekolah itu berjaya mengumpul sejumlah 194,000 kotak minuman dan seterusnya membawa pulang RM5,000 berserta sebuah trofi.

Tempat kedua dimenangi SK Ampang Campuran dan Sekolah Taman Maluri menduduki tempat ketiga dengan masing-masing membawa pulang wang tunai berjumlah RM3,000 dan RM2,000 serta trofi.

Pertandingan kitar semula kotak minuman itu adalah sebahagian daripada program 'Nurture for Nature' yang dilancarkan oleh Tetra Pak (M) Sdn. Bhd. dengan sokongan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Ia bertujuan menanam minat dan memupuk tabiat memelihara alam sekitar dalam kalangan pelajar sekolah selain memupuk tabiat mengitar semula kotak minuman.

Kelas 5 Andalas dari SK Taman Sri Andalas, Klang pula muncul sebagai kelas yang telah mengumpulkan kotak minuman

Headline **SK Sri Kelana juara kitar semula**
Date **26 Jan 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Supplement**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **238,082 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **A1**
Article Size **325 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **6,423**
PRValue **19,270**

paling banyak dan menerima sebuah trofi serta lawatan percuma ke FRIM.

Pengarah Komunikasi dan Alam Sekitar Tetra Pak, **Terrynz Tan** berkata, selain pertandingan mengumpul kotak minuman itu, mereka turut menganjurkan

lawatan ke sekolah bagi menerangkan kepentingan memelihara hutan serta pokok.

"Alam sekitar adalah unsur penting dalam operasi perniagaan Tetra Pak sejak 50 tahun lalu dan sejajar dengan cogan kata syarikat iaitu 'Melindungi Dengan Baik'.

"Justeru, program ini dilihat sebagai lanjutan dari komitmen Tetra Pak dalam melindungi alam sekitar dan bagi mengukuhkan komitmen itu, syarikat telah menyumbang sebanyak RM10,000 kepada FRIM.

"Ia bertujuan membiayai salah satu inisiatif FRIM dalam memupuk dan meningkatkan kesedaran sivik serta kepentingan mengekal dan memelihara alam sekitar," jelasnya.

Sementara itu, Ketua Bahagian Komunikasi Korporat

FRIM, **Norhayati Nordin** berkata, pihaknya merancang untuk membuka sebuah Pusat Penyelidikan Alam Sekitar bagi membolehkan program seperti ceramah, bengkel, aktiviti berkumpulan diadakan untuk pelajar serta orang ramai yang berkunjung ke FRIM.

"Pusat tersebut akan dilengkapi dengan pelbagai bahan pameran antaranya yang disumbangkan oleh Tetra Pak.

"Selain itu Tetra Pak juga akan membekalkan alat tulis dan kolateral yang diperbuat daripada bahan kitar semula selain menyediakan tong kitar semula bagi pengunjung FRIM sebagai usaha menggalakkan mereka mengamalkan tabiat mengitar semula dan mencintai alam sekitar," katanya.

Kedua-dua pihak berharap dapat meneruskan kerjasama demi mengekal dan memastikan maklumat serta bahan pameran adalah terkini dalam usaha mendidik generasi muda tentang cara untuk mengekalkan serta memelihara alam sekitar.